

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 06 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: 04



NOH OMAR bersama wakil penyumbang dalam Majlis Penyerahan Cek Penajaan Forum Bandar Sedunia Kesembilan (WUF-9) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam. - UTUSAN/HAFIZ JOHARI

WUF-9: Bangun semula PPR agenda utama

KUALA LUMPUR 5 Feb. - Agenda untuk melaksanakan pembangunan semula melibatkan projek perumahan rakyat (PPR) dan rumah kos rendah berusia lebih 25 tahun antara aspek yang akan dibincangkan dalam pengantutan Forum Bandar Sedunia Kesembilan (WUF-9) bermula Rabu ini.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, langkah tersebut akan dilaksanakan menerusi penubuhan akta perbadanan atau penyusunan semula undang-undang berkaitan projek terbabit.

Katanya, ia penting sebagai langkah penyediaan kediaman yang lebih baik dalam aspek kemu-

dahan serta menjamin hak penduduk di kawasan berkenaan.

"Kita ambil dua contoh projek terdahulu iaitu perumahan awam (PA) Razak Mansion dan Residen-si Kerinchi dalam pelaksanaan proses pembangunan semula oleh pemaju. Cuma apa yang kita lihat ada halangan apabila ia dibangunkan oleh pihak terbabit.

"Bertepatan dengan teras Kementerian berkaitan agenda perumahan, kini sudah tiba masanya untuk tubuhkan perbadanan atau susun semula undang-undang bagi tujuan pembangunan rumah ke arah Transformasi Nasional 2050 (TN50)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam majlis Penyerahan

Cek Tajaan daripada 22 syarikat berjumlah RM2.7 juta kepada Kementerian itu sempena pengantutan WUF-9 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur bermula 7 sehingga 13 Februari ini.

Yang turut hadir, timbalannya, Datuk Halimah Mohamed Sadique dan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Mohamad Mentek.

Sebanyak 27,000 peserta dari 192 negara terlibat dalam forum WUF-9 anjuran Program Penempatan Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-Habitat) bagi menghimpunkan masyarakat antarabangsa dan bertukar pandangan serta pengalaman mengenai cabaran perbandaran.